

Imej Buruk Menjejaskan Pelaburan

Pada 1 Ogos 2013, bermulanya era baharu yang mengubah sistem ekonomi Islam di Malaysia apabila Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, memperkenalkan pasaran kewangan Islam Malaysia kepada dunia dengan beridentitikan jenama ikonik baharu, "Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia".

NURISLAMUDDIN SARUDDIN

Penjenamaan semula kewangan Islam memberikan pengharapan yang signifikan lagi mengukuhkan kedudukan negara ini dalam kelompok negara ekonomi Islam terulung. Selaras dengan penjenamaan ini, perdana menteri menyeru komuniti global untuk bekerjasama dan saling mengambil manfaat daripada pasaran kewangan Islam yang menyeluruh dengan rangka kerja pengawalan, penyeliaan, syariah dan undang-undang yang komprehensif.

Pada masa ini, Malaysia mampu berbangga dengan kejayaan yang dikecap sehingga diiktiraf sebagai negara ekonomi Islam paling maju di dunia oleh penyedia perkhidmatan perniagaan pintar global Thomson Reuters di Forum Ekonomi Dunia Islam ke-11 (WIEF) yang berlangsung pada November 2015.

Pemangku Ketua Perbankan Islam Thomson Reuters, Mustafa Adil, dalam laporannya mengakui bahawa perbankan Islam Malaysia jauh mengatasi negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC). Ketika berucap pada Forum Ekonomi Dunia Islam ke-11, Mustafa berkata, Malaysia mencatatkan prestasi tertinggi dalam semua petunjuk yang digunakan untuk mengukur kemajuan, termasuklah tahap kemajuan negara melalui enam petunjuk, iaitu tahap tadbir urus, ketelusan, pendidikan, kewangan, tanggungjawab sosial korporat dan kesedaran.

Pengiktirafan yang diterima ini cukup membanggakan hasil daripada usaha keras pihak yang terlibat selama ini. Inilah pengiktirafan secara langsung terhadap sistem kewangan Islam yang kini mula mendapat tempat dalam kalangan negara bukan Islam, seperti Hong Kong, Amerika Syarikat dan Jepun. Negara tersebut merupakan pemain ekonomi ulung dalam arena konvensional. Sistem perbankan Islam yang berasaskan perkongsian risiko nyata berbeza daripada amalan konvensional yang meletakkan kadar faedah dalam setiap pinjaman dan cagaran. Ditambah dengan amalan sistem kewangan yang beretika, telus dan berintegriti, ternyata sistem kewangan Islam merupakan pilihan yang terbaik selain amalan kewangan konvensional sedia ada.

Menurut laporan Global Kewangan Islam Bank Dunia, Malaysia mempunyai aset perbankan Islam kedua terbesar di dunia berjumlah AS\$156.7 bilion (RM697.08 bilion) selepas Iran yang mencatatkan aset berjumlah AS\$482.4 bilion (RM2.15 trilion) setakat tahun 2013. Laporan yang diterbitkan secara bersama dengan Bank Pembangunan Islam (IDB), Arab Saudi, itu menyatakan bahawa Malaysia negara ekonomi Islam terbesar di rantau Asia Selatan dan Asia Tenggara dari segi jumlah aset kewangan Islam, diikuti Bangladesh AS\$17 bilion (RM75.62 bilion) dan Indonesia AS\$13 bilion (RM57.83 bilion).

Menurut laporan itu, Malaysia mempunyai kerangka kerja tadbir urus syariah yang lebih maju berbanding dengan negara lain. Secara dasarnya, Malaysia antara peneraju sukuk global dan yang terbesar di dunia. Pada tahun 2014, jumlah sukuk terkumpul global melebihi AS\$300 bilion, dengan Malaysia menyumbangkan AS\$173 bilion (57.4 peratus) daripada jumlah keseluruhan dan Arab Saudi AS\$50.4 bilion (16.7 peratus) di tempat kedua. Malaysia mengekalkan rekod sebagai hab utama pasaran sukuk dengan penguasaan 53 peratus terbitan sukuk pada tahun 2015 yang membuktikan Malaysia masih menjadi destinasi utama pelaburan ekonomi Islam, termasuk langganan sukuk global di tengah-tengah kemelut ekonomi global.

Kejayaan ini memang cukup memukau. Namun begitu, kejayaan ini tidak mampu berkekalan sekiranya Malaysia terus disabotaj dengan tohmahan liar yang datang dari dalam dan luar negara. Tohmahan liar yang



Tabung Haji pernah berhadapan dengan tohmahan liar yang menyebabkan kehilangan sebilangan besar pendeposit.

berterusan ternyata memberikan impak yang sangat besar kepada negara, terutamanya dalam konteks ekonomi. Sememangnya, kedudukan ekonomi Malaysia yang agak mampan di tengah-tengah kemelut ekonomi dunia akan mengundangi perasaan tidak senang dalam kalangan pihak berkepentingan.

Kerajaan mencuba sedaya upaya untuk mengukuhkan ekonomi Malaysia dengan mempelbagaikan sumber hasil negara, seperti pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP), pemantapan sektor pelancongan, dan sebagai hab ekonomi Islam global. Namun demikian, kedengaran suara nakal, terutamanya yang datang dari dalam negara, yang memberikan kesan negatif terhadap aliran pelaburan asing dalam negara. Tindakan selingitir kumpulan yang tidak bertanggungjawab dan terus memfitnah ekonomi negara memberikan impak negatif terhadap imej negara di mata pelabur.

Tohmahan tersebut mampu meranapkan ekonomi negara. Dengan mengambil kira insiden yang berlaku terhadap Lembaga Tabung Haji (TH) menerusi skandal fitnah IMDB yang tiada berpenghujung, sejumlah 3600 pendeposit membatalkan hasrat untuk mengerjakan ibadah haji. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, menerusi kenyataannya mendedahkan bahawa sebanyak RM500 juta wang simpanan dikeluarkan dari TH sepanjang tahun 2016 kerana pelbagai fitnah yang dilemparkan oleh pembangkang. Menurut Datuk Seri Jamil, "fitnah ini menyebabkan pendeposit melakukan tindakan itu dengan alasan hilang kepercayaan terhadap TH". Tindakan sebilangan pendeposit TH yang menarik deposit menunjukkan bahawa kuasa fitnah memberikan kesan yang sangat besar terhadap keuntungan TH amnya dan negara khususnya.

Bayangkan jika jumlah pengeluaran berkali-kali ganda daripada jumlah simpanan, sudah pasti segala pelaburan TH dalam dan luar negara akan terjejas kerana kekurangan dana. Tambahan pula, TH mempunyai banyak aset tetap

dan sudah pastinya TH menghadapi masalah untuk mencari aliran tunai jika pendeposit bertindak menarik deposit, secara beramai-ramai.

Laporan perangkaan menunjukkan bahawa pada penghujung tahun 2014, jumlah deposit terkumpul berjumlah RM54.4 bilion, iaitu peningkatan hampir empat kali ganda berbanding dengan tahun 2006. Jumlah ini melibatkan 8.6 juta dana akaun pendeposit di seluruh negara. Nilai aset bersih TH berkembang 12 peratus kepada RM54 bilion berbanding dengan RM48.2 bilion pada tahun 2013. Pecahan aset terkumpul terdiri daripada pelbagai sektor, iaitu ekuiti menyumbangkan 41 peratus, pendapatan tetap (28 peratus), instrumen kewangan pasaran wang (21 peratus) dan hartanah (10 peratus). Selain itu, sumber pendapatan TH disumbangkan oleh pelaburan ekuiti sebanyak 46 peratus, sekuriti hutang (20 peratus), sewaan serta pembiayaan lain (11 peratus) dan pasaran wang, serta instrumen kewangan dan lain-lain (23 peratus).

Kini TH antara pemegang dana awam Islam terbesar dalam negara dan bertanggungjawab secara tidak langsung untuk membangunkan ekonomi menerusi peluang pekerjaan dan pembangunan infrastruktur negara. TH menerusi anak syarikatnya menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat dalam bidang hospitaliti, perladangan dan kewangan Islam, selain penganjuran aktiviti pembangunan modal insan. Selain itu, TH membayar zakat dalam jumlah yang besar kepada pusat zakat di seluruh negara. sekali gus menunjukkan bahawa organisasi ini mempunyai impak yang cukup besar kepada negara secara keseluruhannya.

Segala bentuk pengurusan yang cemerlang berlandaskan syariah dan sokongan raja, dan bentuk pelaburan yang direncanakan adalah untuk kebaikan umat Islam. Sebagai hasilnya, TH mengumumkan agihan RM3.23 bilion dividen dan bonus kepada pendeposit bagi caruman tahun 2015. Dengan jumlah tersebut, kadar dividen kepada pendeposit pada tahun 2015 sebanyak lima peratus dan tambahan bonus haji sebanyak tiga peratus kepada pendeposit yang belum pernah menunaikan haji. Namun begitu, kelestarian ini mampu dipadamkan jika segelintir masyarakat terus memberikan tohmahan yang tidak berasas kepada TH, sekali gus menjejaskan usaha TH untuk menaikkan taraf ekonomi umat Islam.

Tindakan segelintir pihak yang berterusan memfitnah dan memberikan tohmahan kepada negara bukanlah perkara baharu, malahan menjadi trend sekarang, terutamanya dalam kalangan ahli politik. Tambahan pula, media sosial menjadi medan utama kepada pahlawan kekunci untuk menyebarkan berita palsu tentang negara.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Moehamad Izat Emir, berkata, tindakan pengguna media sosial yang membuat tuduhan tidak berasas tanpa sumber yang sah memberikan imej buruk kepada negara dan mengurangkan kemasukan

pelabur asing di negara ini. Menurutnya, penyebaran negatif tentang ketidakstabilan ekonomi dan politik negara menerusi media sosial bukan sahaja mengundang tanggapan negatif pelabur asing malah, menurunkan keyakinan untuk pelaburan. Kerajaan melaksanakan banyak inisiatif dan pelan strategik untuk memantapkan ekonomi negara dengan mempelbagaikan bentuk program ekonomi jangka panjang. Selain ekonomi konvensional yang menjadi tunjang negara, ekonomi Islam berkembang dengan kadar yang sangat pantas selaras dengan perkembangan global.

Sebagai contohnya, Program Transformasi Ekonomi (ETP) di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dilaksanakan dalam usaha untuk mengukuhkan institusi perbankan Islam. Di bawah ETP, banyak program transformasi dilaksanakan supaya setiap unit ekonomi mampu memberikan sumbangan yang signifikan kepada kemajuan perbankan Islam. ETP berjaya menjadikan industri perbankan dan kewangan Islam sebagai sektor penting yang berpotensi menyumbang kepada tambahan pendapatan negara kasar dan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan menjelang tahun 2020.

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan negara ini sebagai hab global kewangan Islam yang akan dikenali sebagai pusat intelek dan pusat modal bagi kewangan Islam. Institusi kewangan Islam ini mempunyai kedudukan yang signifikan di luar negara. Pembangunan industri kewangan Islam dizahirkan melalui bidang ekonomi utama negara di bawah pendidikan dan perkhidmatan kewangan.

Sebagai contohnya, beberapa institusi pembangunan modal insan, seperti Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA) dan Institut Kewangan Asia, memainkan peranan penting sebagai badan latihan dan pendidikan kewangan Islam. Malaysia dijangkakan terus melabur dalam sistem modal insan kerana dunia Islam kekurangan tenaga profesional dalam sektor kewangan Islam pada ketika ini.

Perkembangan sistem kewangan Islam membuktikan bahawa dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara ekonomi Islam paling maju di peta global. Jika dahulu negara ini menekankan kemajuan ekonomi berasaskan materialistik semata-mata dan berasaskan amalan kewangan konvensional, kini sistem kewangan Islam berjaya mendasakan sistem kewangan global dan secara tidak langsung, menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar.

Rakyat perlu berbangga dengan pencapaian negara pada ketika ini dan terus bersatu hati untuk memastikan kejayaan pada masa hadapan. Negara ini negara berdaulat dan mempunyai saluran undang-undang untuk menyuarakan pendapat masing-masing. Ikutlah saluran yang betul untuk menyampaikan sesetengah isu supaya tidak menjejaskan nama baik negara dalam kalangan pelabur di luar negara. ❁

dan sudah pastinya TH menghadapi masalah untuk mencari aliran tunai jika pendeposit bertindak menarik deposit secara beramai-ramai.

Laporan perangkaan menunjukkan bahawa pada penghujung tahun 2014, jumlah deposit terkumpul berjumlah RM54.4 bilion, iaitu peningkatan hampir empat kali ganda berbanding dengan tahun 2006. Jumlah ini melibatkan 8.6 juta dana akaun pendeposit di seluruh negara. Nilai aset bersih TH berkembang 12 peratus kepada RM54 bilion berbanding dengan RM48.2 bilion pada tahun 2013. Pecahan aset terkumpul terdiri daripada pelbagai sektor, iaitu ekuiti menyumbangkan 41 peratus, pendapatan tetap (28 peratus), instrumen kewangan pasaran wang (21 peratus) dan hartanah (10 peratus). Selain itu, sumber pendapatan TH disumbangkan oleh pelaburan ekuiti sebanyak 46 peratus, sekuriti hutang (20 peratus), sewaan serta pembiayaan lain (11 peratus) dan pasaran wang, serta instrumen kewangan dan lain-lain (23 peratus).

Kini TH antara pemegang dana awam Islam terbesar dalam negara dan bertanggungjawab secara tidak langsung untuk membangunkan ekonomi menerusi peluang pekerjaan dan pembangunan infrastruktur negara. TH menerusi anak syarikatnya menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat dalam bidang hospitaliti, perladangan dan kewangan Islam, selain penganjuran aktiviti pembangunan modal insan. Selain itu, TH membayar zakat dalam jumlah yang besar kepada pusat zakat di seluruh negara, sekali gus menunjukkan bahawa organisasi ini mempunyai impak yang cukup besar kepada negara secara keseluruhannya.

Segala bentuk pengurusan yang cemerlang berlandaskan syariah dan sokongan raja, dan bentuk pelaburan yang direncanakan adalah untuk kebaikan umat Islam. Sebagai hasilnya, TH mengumumkan agihan RM3.23 bilion dividen dan bonus kepada pendeposit bagi caruman tahun 2015. Dengan jumlah tersebut, kadar dividen kepada pendeposit pada tahun 2015 sebanyak lima peratus dan tambahan bonus haji sebanyak tiga peratus kepada pendeposit yang belum pernah menaikan haji. Namun begitu, kelestarian ini mampu dipadamkan jika segelintir masyarakat terus memberikan tohmahan yang tidak berasas kepada TH, sekali gus menjejaskan usaha TH untuk menaikkan taraf ekonomi umat Islam.

Tindakan segelintir pihak yang berterusan memfitnah dan memberikan tohmahan kepada negara bukanlah perkara baharu, malahan menjadi trend sekarang, terutamanya dalam kalangan ahli politik. Tambahan pula, media sosial menjadi medan utama kepada pahlawan kekunci untuk menyebarkan berita palsu tentang negara.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Moehammad Izat Emir, berkata, tindakan pengguna media sosial yang membuat tuduhan tidak berasas tanpa sumber yang sah memberikan imej buruk kepada negara dan mengurangkan kemasukan

pelabur asing di negara ini. Menurutnya, penyebaran negatif tentang ketidakstabilan ekonomi dan politik negara menerusi media sosial bukan sahaja mengundang tanggapan negatif pelabur asing malah, menurunkan keyakinan untuk pelaburan. Kerajaan melaksanakan banyak inisiatif dan pelan strategik untuk memantapkan ekonomi negara dengan mempelbagaikan bentuk program ekonomi jangka panjang. Selain ekonomi konvensional yang menjadi tunjang negara, ekonomi Islam berkembang dengan kadar yang sangat pantas selaras dengan perkembangan global.

Sebagai contohnya, Program Transformasi Ekonomi (ETP) di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dilaksanakan dalam usaha untuk mengukuhkan institusi perbankan Islam. Di bawah ETP, banyak program transformasi dilaksanakan supaya setiap unit ekonomi mampu memberikan sumbangan yang signifikan kepada kemajuan perbankan Islam. ETP berjaya menjadikan industri perbankan dan kewangan Islam sebagai sektor penting yang berpotensi menyumbang kepada tambahan pendapatan negara kasar dan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan menjelang tahun 2020.

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan negara ini sebagai hab global kewangan Islam yang akan dikenali sebagai pusat intelek dan pusat modal bagi kewangan Islam. Institusi kewangan Islam ini mempunyai kedudukan yang signifikan di luar negara. Pembangunan industri kewangan Islam dizahirkan melalui bidang ekonomi utama negara di bawah perlindungan dan perkhidmatan kewangan.

Sebagai contohnya, beberapa institusi pembangunan modal insan, seperti Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA) dan Institut Kewangan Asia, memainkan peranan penting sebagai badan latihan dan pendidikan kewangan Islam. Malaysia dijangkakan terus melabur dalam sistem modal insan kerana dunia Islam kekurangan tenaga profesional dalam sektor kewangan Islam pada ketika ini.

Perkembangan sistem kewangan Islam membuktikan bahawa dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara ekonomi Islam paling maju di peta global. Jika dahulu negara ini menekankan kemajuan ekonomi berasaskan materialistik semata-mata dan berasaskan amalan kewangan konvensional, kini sistem kewangan Islam berjaya mendasar sistem kewangan global dan secara tidak langsung, menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar.

Rakyat perlu berbangga dengan pencapaian negara pada ketika ini dan terus bersatu hati untuk memastikan kejayaan yang dilakar ini dapat dikekalkan demi kebaikan generasi pada masa hadapan. Negara ini negara berdaulat dan mempunyai saluran undang-undang untuk menyuarakan pendapat masing-masing. Ikutlah saluran yang betul untuk menyampaikan sesuatu isu supaya tidak menjejaskan nama baik negara dalam kalangan pelabur di luar negara. 